



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
MAC 2024

Purata harga simen mencatatkan peningkatan 2.7 peratus pada Mac 2024 berbanding setahun yang lalu

PUTRAJAYA, 4 April 2024 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, MAC 2024**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bagi perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan terpilih seperti keratan keluli & logam, papan lapis, batu bata & dinding dan bahan bumbung bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan purata harga seunit simen telah meningkat 2.7 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun lepas (Mac 2023: RM22.41 per 50 kg sekarung). Selain daripada itu, perbandingan bulanan bagi purata harga simen mencatatkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM23.01 per 50 kg sekarung berbanding Februari 2024 (RM22.97 per 50 kg sekarung).

Purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,683.51 bagi setiap tan metrik, mencatatkan peningkatan yang kecil iaitu 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya (Februari 2024: RM3,679.54 per tan metrik). Perbandingan tahunan bagi purata harga

seunit besi pula merekodkan penurunan kecil yang kecil iaitu negatif 0.2 peratus berbanding Mac 2023 (RM3,690.90 per tan metrik).

Ketua Perangkawan Malaysia juga turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan bagi simen juga turut menunjukkan indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024. Namun begitu, terdapat penurunan kecil bagi indeks harga seunit bahan ini di Terengganu & Kelantan (-0.3%). Indeks harga seunit besi juga kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024 berbanding Februari 2024. Namun begitu, terdapat peningkatan kecil bagi kawasan Kota Kinabalu (0.2%) dan Sandakan (1.1%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Mac 2023 dan Mac 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.9 peratus hingga 7.7 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, terdapat penurunan kecil direkodkan dalam indeks harga seunit bahan ini di Kota Kinabalu (-0.7%) dan Kuching (-0.1%).

Selain daripada itu, perbandingan tahunan bagi indeks harga seunit besi pula menunjukkan penurunan antara negatif 0.8 peratus hingga negatif 4.9 peratus bagi Mac 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, hanya Johor yang mencatatkan peningkatan dalam indeks harga seunit besi (2.1%).

Bermula pada Januari 2024, Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan adalah diasaskan semula kepada Januari 2023 sama dengan 100 (Januari 2023=100). Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan Mac 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 0.2 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) bagi Kategori Bangunan Kayu dan Cerucuk kayu di Terengganu & Kelantan (masing-masing negatif 0.6 peratus).

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah juga menunjukkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan. IKB (termasuk bar keluli) bagi hampir semua kategori bagunan di Kota Kinabalu dan Tawau menunjukkan sedikit peningkatan

iaitu 0.1 peratus dan 0.2 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan pula meningkat antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus berbanding Februari 2024.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Mac 2024 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus bagi kategori bangunan (konkrit tetulang) 2-4 tingkat (berbumbung curam) di Kuching. Sementara itu, indeks bagi hampir semua kategori bangunan lain di Kuching, Sibu dan Miri kekal tidak berubah.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 4 April 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Mac 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Mac 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
4 APRIL 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, April 4, 2024



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
MARCH 2024**

The average price of cement recorded an increase of 2.7 per cent in March 2024 as compared to a year ago

PUTRAJAYA, April 4, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MARCH 2024**, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that on a month-on-month comparison of construction materials and areas showed the unit price index remained unchanged for selected material such steel & metal sections, plywood, bricks & wall and roofing materials for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of cement has increased by 2.7 per cent as compared to the same month last year (March 2023: RM22.41 per 50 kg bag). Similarly, a monthly comparison showed that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a slight increase (0.2%) with an average price of RM23.01 per 50 kg bag as compared to February 2024 (RM22.97 per 50 kg bag).

The average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,683.51 per metric tonne, recording a slight increase of 0.1 per cent as compared to the previous month (February 2024: RM3,679.54 per metric tonne).

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, April 4, 2024**

Meanwhile, an annual comparison of the average price per unit of steel recorded a slight decrease of negative 0.2 per cent as compared to March 2023 (RM3,690.90 per metric tonne).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the monthly comparison of cement showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in March 2024. However, there was a slight decrease for these materials price index in Terengganu & Kelantan (-0.3%). The unit price index of steel also remained unchanged for most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in March 2024 as compared to February 2024. However, there was a slight increase for the Kota Kinabalu area (0.2%) and Sandakan (1.1%).

An annual comparison for the period of March 2023 and March 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.9 per cent to 7.7 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. However, a slight decrease was recorded in the unit price index of these materials in Kota Kinabalu (-0.7%) and Kuching (-0.1%).

Apart from that, an annual comparison for price index per unit of steel showed a decrease between negative 0.8 per cent to negative 4.9 per cent for March 2024 as compared to the corresponding month of the previous year. However, only Johor recorded an increase in the price index per unit of steel (2.1%).

Starting from January 2024, the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region is rebased to January 2023 equals 100 (January 2023=100). The month on month of the BCI (with steel bars) for all building categories in March 2024 increased between 0.1 per cent to 0.2 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) for Timber Building and Timber Piling in Terengganu & Kelantan (-0.6 per cent respectively).

The BCI (with steel bars) in Sabah also showed an increase which are between 0.1 per cent and 0.5 per cent for almost all building categories. The BCI (with steel bars) for all categories in Kota Kinabalu and Tawau showed a slight increase of 0.1 per cent and 0.2 per cent in March 2024 as compared to the previous month. Meanwhile, the index for almost all building categories in Sandakan increased between 0.1 per cent and 0.5 per cent for almost all building categories as compared to February 2024.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, April 4, 2024


A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for March 2024 showed a slight increase in the index of 0.1 per cent for the building category of 2-4 storey (reinforced concrete) (pitched roof) in Kuching. Meanwhile, the index for almost all others building categories in Kuching, Sibu and Miri remained unchanged.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricsensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – March 2024



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, April 4, 2024

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – March 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

4 APRIL 2024